

***TALKING POINT***

**YANG BERBAHAGIA PROFESOR DATUK TS. DR. MASSILA BINTI KAMALRUDIN  
NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

**TUAH FIT MHS UTeM 2024 &  
PELANCARAN HARI SUKAN NEGARA PERINGKAT UTeM 2024  
11 Oktober 2024 (Jumaat) | 8.30 Pagi | Stadium UTeM**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Terima Kasih kepada Saudara Pengacara Majlis

## **SALUTASI**

**Yang Berbahagia Profesor Dr. Zulkiflie bin Ibrahim**

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

**YBhg Profesor Ir. Ts Dr. Ghazali bin Omar**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

**YBhg Profesor Madya Datuk Dr. Sabri bin Mohamad Sharif** Timbalan Naib  
Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

**YBhg Profesor Madya Ts. Mohd Rahimi Bin Yusoff**

Penolong Naib Canselor (Strategik Dan Kelestarian Global)

**Yang Berusaha Dekan-Dekan Fakulti, Pengarah-Pengarah, TDPP Fakulti**

**Yang Berusaha Pn. Siti Sarah Binti Bujang**  
Pengarah Pusat Sukan HEPA

Dan Para Fasilitator, mahasiswa mahasiswi UTeM yang dikasihi sekalian

## **ALU-ALUAN**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadiran Allah SWT kerana di atas limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi ini di Program **TUAH Fit MHS dan Pelancaran Hari Sukan Negara Peringkat UTeM 2024.**

2. Alhamdulillah Minggu Haluan Siswa bagi tahun ini telah berada pada hari terakhir dan anda semua **masih dalam keadaan bertenaga dan bersemangat lagi**. Dan diharapkan anda sentiasa bersemangat sepanjang keberadaan anda di UTeM. Pada hari terakhir ini saya percaya adalah lebih kepada untuk mendedahkan anda semua kepada aktiviti-aktiviti pelajar seperti sukan dan juga kebudayaan.
3. UTeM melalui Pusat Sukan, HEPA amat mengambil berat tentang pembangunan sahsiah warganya (staf dan pelajar) melalui aktiviti sukan rekreasi yang dilihat sebagai salah satu medium untuk membangunkan sahsiah selain daripada program-program lain di UTeM. Aktiviti sukan bukanlah sekadar untuk rekreasi dan kecergasan semata-mata malah diharap dapat melahirkan warga UTeM yang bertanggungjawab, dinamik dan cemerlang dalam pelbagai aspek.

4. Pembangunan modal insan yang cemerlang boleh dilihat hasil dari pencapaian atlet-atlet UTeM yang cemerlang di peringkat MASUM, KPT, Sukan Universiti Asean, Sukan Universiti Dunia. Atlet UTeM juga telah mewakili negeri dan Negara di peringkat SUKMA, Sukan Sea dan Kejohanan-kejohanan Antarabangsa. Mahasiswa UTeM juga berkemampuan dalam penganjuran program-program sukan seperti Sukan Antara Fakulti, UTeM *Track & Field*, TUAH Fit dan lain-lain acara lagi.



## PENGANJURAN HARI SUKAN NEGARA PERINGKAT UTeM

Para hadirin sekalian

5. Pada hari ini selain dari pelaksanaan **TUAH Fit MHS** kita juga akan melancarkan Hari Sukan Negara Peringkat UTeM 2024. **Hari Sukan Negara** di Malaysia telah diisytiharkan pada setiap hari Sabtu minggu kedua bulan Oktober pada setiap tahun. Pada tahun ini, Hari Sukan Negara akan disambut serentak seluruh Negara pada **11 hingga 13 Oktober 2024**.
6. Sambutan Hari Sukan Negara ini merupakan satu inisiatif Kementerian Belia & Sukan di mana ianya adalah satu langkah pro aktif di dalam proses transformasi ke arah mencapai hasrat menjadikan Malaysia sebagai sebuah **Negara Bersukan “Sporting Nations”**. Oleh yang demikian, Hari Sukan Negara dijadikan agenda nasional yang selari dengan matlamat Negara.

7. Pusat Sukan HEPA UTeM juga giat melaksanakan program pembudayaan sukan dan rekreasi di UTeM. Program pembangunan atlet melalui penyertaan kejohanan jemputan, kejohanan utama dan sokongan pengembangan kerjaya atlet sehingga ke peringkat yang tertinggi yang boleh dicapai. Penglibatan melalui kelab sukan di UTeM yang dibantu oleh penyelarassukan yang komited dan berdedikasi. **Penganjuran sukan berbentuk pertandingan seperti Sukan Antara Fakulti (SAF) dan UTeM Track & Field (UTF) 2024 menjadi medan mencari bakat-bakat baru.** Selain itu aktiviti kecergasan, riadah dan rekreasi secara massa juga turut menjadi antara agenda Pusat Sukan UTeM untuk melibatkan penglibatan ramai warganya selain daripada aktiviti sukan berbentuk pertandingan. Antara program-program yang dilaksanakan ialah seperti program TUAH Fit, TUAH Fit MHS, Hari Sukan Negara dan UTeM Eco Fit.

8. **Program UTeM Eco Fit 2024 merupakan satu program mingguan** setiap hari Selasa terpilih yang merupakan pembudayaan gaya hidup sihat dan aktif di kalangan mahasiswa dan seluruh warga UTeM. Sasaran penyertaan adalah melibatkan seramai mungkin warga UTeM untuk terlibat dalam aktiviti ini. Aktiviti kecergasan yang pelbagai bakal diadakan bagi program ini antaranya ***Fun Run, Fun Ride, Fun Hike dan Fun Aerobic.***
9. Program ini akan meneroka keindahan kampus UTeM di samping aktiviti sihat cergas yang diadakan. Kemudahan-kemudahan sukan yang ada di UTeM juga boleh dimanfaatkan seperti *Outdoor Gym, Indoor Gym, Stadium UTeM, Dewan Sukan, Trek Jogging UTeM, Tasik UTeM, padang dan gelanggang sukan.* Semoga kemudahan sukan yang disediakan memberi manfaat pada anda semua.



10. Akhir sekali lagi saya berharap Penganjuran TUAH Fit MHS dan Hari Sukan Negara ini diharapkan akan menjadi satu titik tolak untuk melahirkan Juara juara baru yang akan mengharumkan nama UTeM dalam arena sukan. Selain itu budaya gaya hidup sihat dan aktif akan menjadi teras pegangan mahasiswa UTeM. Semoga dengan badan yang sihat akan menghasilkan minda yang cerdas dan kompeten dalam menjalani hidup sebagai TUAH UTeM.
11. Syabas dan tahniah kepada Pusat Sukan UTeM atas inisiatif ini. Dengan kata semangat *LET'S GET FIT TUAH UTeM* menjadi pegangan buat kita semua. **Saya dengan lafaz *بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ* melancarkan Hari Sukan Negara Peringkat Universiti Teknikal Malaysia Melaka 2024.**

Sekian, Terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.